

Kerajaan dedah nama petualang

Oleh Nasir Hassan

B.H 24 MAR 1992

KOTA BHARU, Isnin — Kerajaan akan mendedahkan nama mereka yang terbabit dengan kegiatan kempen memburuk-burukkan kayu tropika Malaysia di Jepun, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata pendedahan ini perlu supaya rakyat negara ini tahu siapa yang terbabit dengan kegiatan itu.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar hari ini bahawa nama 14 anggota dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari negara ini yang dikenal pasti terbabit dengan kegiatan itu sudah diserahkan kepada beliau.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Law Hieng Ding, berkata kerajaan sedang membincangkan laporan berhubung butir peribadi dan latar belakang mereka yang terbabit dalam laporan khas kementerian berkenaan mengenai perkara itu.

Ditanya mengenai cadangan Kementerian Pengangkutan mengharamkan kereta hujung minggu Singapura daripada memasuki negara ini pada hari biasa, beliau berkata, kerajaan akan mengkaji kesan tindakan itu.

Bercakap kepada pemberita di kediaman Menteri Belia dan Sukan, Se-

nator Annuar Musa, di Bukit Marak, di sini malam ini, Dr Mahathir berkata, kerajaan kesal dengan langkah Kerajaan Singapura memperkenalkan levi kenderaan yang didaftarkan di negara ini untuk memasuki negara berkenaan, tanpa pengetahuannya.

Menurutnya, langkah Kerajaan Singapura itu menyulitkan Kerajaan Malaysia untuk menasihatkan rakyat negara ini mengenai kebaikan dan keburukan cadangan itu.

Menjawab soalan lain, beliau berkata setakat ini kerajaan belum menyatakan kekesalannya berhubung masalah itu kepada Kerajaan Singapura.

Bagaimanapun, katanya, Kerajaan Johor sudah menyatakan kekesalannya berhubung tindakan kerajaan republik itu.

Sementara itu, ketika berucap di majlis muhibah dan berbuka puasa dengan pemimpin Umno dan pertubuhan sukarela di negeri ini, beliau menasihatkan rakyat supaya bekerja lebih kuat, terutama di bulan puasa.

Dr Mahathir berkata, rakyat perlu menjadikan negara ini maju dan kukuh bagi menandingi negara luar.

Terdahulu itu, MCA Kelantan meminta Perdana Menteri campur tangan dalam menyelesaikan ma-

salah kekurangan 16 peratus kuota daun tembakau kering yang diagihkan kepada ahli.

Hasrat mereka itu disampaikan oleh Pengerusi MCA negeri, Lim Jit Keng, yang mengetuai rombongan menemui Perdana Menteri di kediaman Menteri Belia dan Sukan, di Bukit Marak, dekat sini, petang ini.

Pertemuan itu dibuat sempena lawatan sehari Perdana Menteri ke Kelantan hari ini. Beliau ditemani oleh isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah.

Menurutnya, 15 syarikat pengawet kepunyaan ahlinya terbabit dalam pengagihan daun kering yang dianggap tidak adil.